

Buletin  
KOPKEDAH  
Edisi 70  
Tahun

# 70

## Ulang Tahun

1953 - 2023

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan  
Negeri Kedah Darul Aman Berhad

"SATU BAGI RAMAI, RAMAI BAGI SATU"



# SIDANG PENGARANG



## PENASIHAT

1. Tn. Haji Anuar Bin Ibrahim (Pengerusi)



## FASILITATOR PENGARANG

1. Tn. Haji Munir Bin Badrul Jamil (Bendahari)
2. Encik Zabidi Bin Ahmad (Setiausaha)



## KETUA PENGARANG

1. Tn. Haji Mohd Shukri Bin Hassan




## PENGARANG

1. Dato' Haji Hashim Bin Ahmad
2. Puan Siti Sarah Binti Haji Ahmad
3. Cik Najamriah Binti Hashim
4. Encik Mohammad Ashraf Solihin Bin Ahmad



## PEREKA GRAFIK

1. Puan Asmidar Binti Moklas
2. Encik Zulkifli Bin Din (Jurugambar)



# ISI KANDUNGAN

- 01 PERUTUSAN PENGERUSI / SETIAUSAHA
- 02 SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI
- 03 SEJARAH PERTUKARAN NAMA KOPERASI / PEJABAT URUSAN
- 04 ARKIB KOPERASI
- 05 SAMBUTAN JUBLI EMAS
- 06 KEKUKUHAN KOPERASI DAN STRATEGI PERNIAGAAN
- 07 PELAN STRATEGIK 2021-2035
- 08 PELAN STRATEGIK 2021-2035
- 09 PREMIS PERNIAGAAN SEDIADA
- 10 PREMIS PERNIAGAAN BARU
- 11 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
- 12 INDEKS 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA
- 13 GALERI GAMBAR
- 14 TESTIMONI
- 15 KELEBIHAN ANGGOTA KOPERASI

## PERUTUSAN Pengerusi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya melahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah swt kerana dengan limpah kurnianya BULETIN KOPKEDAH EDISI KHAS ini dapat diterbitkan hasil kerja semua warga Kopkedah.

Setiap keluaran BULETIN KOPKEDAH akan menghimpunkan pelbagai berita meliputi, program, latihan, lawatan, ceramah dan khidmat masyarakat.

BULETIN KOPKEDAH ini diharapkan menjadi wadah penghubung antara Koperasi dengan anggota Koperasi selain daripada menjadi medan penulisan kreatif warga kerja Koperasi berkaitan Koperasi sepanjang tahun.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah diucapkan kepada sidang pengarang dan semua warga Koperasi yang terlibat dengan keluaran Buletin Edisi Khas ini.

Terima kasih.



## PERUTUSAN Setiausaha

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, Buletin KOPKEDAH ini berjaya diterbitkan sempena 70 tahun penubuhan koperasi ini hasil kerjasama semua pihak dalam organisasi ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) di atas kerjasama yang diberikan dalam usaha memajukan koperasi bagi mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pengurus Besar dan warga kerja KPPKNK di atas kegigihan dan kesungguhan dalam memastikan KPPKNK ini terus berkembang maju dan mampu berdaya saing serta memenuhi harapan pihak yang berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan umumnya.

Hadirin sekalian, setiap keluaran BULETIN ini menghimpunkan pelbagai berita, aktiviti, idea dan kreativiti dari kalangan warga koperasi samada berbentuk program, latihan, lawatan, ceramah, pencapaian dan khidmat pelanggan. Buletin KOPKEDAH ini merupakan wadah penghubung antara koperasi dengan anggotanya dan juga masyarakat secara umumnya. Berita yang disiarkan mencerminkan kesungguhan kami melaksanakan amanah bagi mengemudi organisasi dalam memastikan kesinambungan kemajuan koperasi seterusnya memberi manfaat yang lebih besar kepada ahli dan semua pihak yang berkepentingan. Alhamdulillah, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga KOPKEDAH yang telah menyumbang kepada penerbitan BULETIN kali ini yang mempunyai nilai dan manfaatnya yang tersendiri. Semoga usaha yang dilaksanakan ini diberi ganjaran dengan sebaik-baik balasan. Akhir kata, saya ingin menjemput kakitangan kerajaan untuk menjadi sebahagian daripada anggota koperasi kami di samping menikmati pelbagai manfaat dan faedah yang kami tawarkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Sekian, terima kasih.

Encik Zabidi Bin Ahmad  
Setiausaha



## SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI

Koperasi ini telah ditubuhkan pada tahun 1952 hasil daripada cetusan idea beberapa orang pegawai kerajaan untuk mewujudkan satu pertubuhan sebagai wadah untuk memajukan ekonomi dan kebajikan ahli. Maka satu jawatankuasa penaja telah ditubuhkan dan dianggotai oleh individu berikut:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1. Encik Ismail bin Abdul Hamid	Pengerusi
2. Encik Sulaiman bin Haji Akil	Setiausaha
3. Tuan Syed Zubir bin Syed Ahmad	Bendahari
4. Encik Ismail bin Abdul Hamid	Ahli Jawatankuasa
5. Tuan Syed Endut bin Syed Bakar	Ahli Jawatankuasa
6. Encik Hashim bin Abdul	Ahli Jawatankuasa
7. Encik Khoo Kau Teong	Ahli Jawatankuasa
8. Encik Harjit Singh	Ahli Jawatankuasa

Pertubuhan ini dengan rasminya telah ditubuhkan pada 23 Ogos 1952 dengan dianggotai oleh 82 orang ahli, Pertubuhan ini mula berfungsi dan menerima wang dari ahli-ahli pada 1 September 1952.

Pada 23 April 1953 di bawah Undang-Undang No. 33 Tahun 1948 Syarikat Bekerjasama-sama, pertubuhan ini didaftarkan atas nama Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Tanggungan Berhad (The Kedah Government Servants Co-operative Thrift and Loan Society Limited) dengan Sijil Pendaftaran Bilangan 1912.

Mesyuarat Agung Pertama telah diadakan dalam tahun 1953 dan pegawai-pegawai berikut telah dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa 1953/1954.:-

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1. Tuan Syed Endut bin Syed Bakar	Pengerusi
2. Encik Sulaiman bin Haji Akil	Setiausaha
3. Encik Harjit Singh	Bendahari
4. Encik Embi bin Kassim	Ahli Jawatankuasa
5. Encik Khoo Kau Teong	Ahli Jawatankuasa
6. Encik Hassan bin Ariffin	Ahli Jawatankuasa
7. Encik Abd Ghani bin Pak Chik	Ahli Jawatankuasa
8. Encik Ismail bin Harun	Ahli Jawatankuasa
9. Encik Shaari bin Haji Md Daud	Ahli Jawatankuasa
10. Encik Hashim bin Abdul	Pemeriksa Kira-Kira
11. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Mansor	Pemeriksa Kira-Kira



## SEJARAH PETUKARAN NAMA KOPERASI

Pada 27 Oktober 1977, pertubuhan ini telah menukar namanya dari “Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Tanggungan Berhad” kepada “Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah” selaras dengan pindaan ke atas Ordinan Koperasi 1948 yang memasukkan prinsip-prinsip koperasi pada tahun 1976 dan seterusnya dikenali dengan Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) selepas semakan pada tahun 1983.

Pada masa ini, Koperasi ini ditadbir oleh 9 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka terdiri daripada anggota-anggota yang berpengalaman dalam selok-belok Koperasi dan dibantu oleh kakitangan koperasi seramai 95 orang.



**AHLI JAWATANKUASA 1962**

SYARIKAT BEKERJASAMA CERMAT  
JIMAT DAN PINJAMAN WANG  
PEGAWAI KERAJAAN NEGERI  
KEDAH TANGGUNGAN BERHAD

JALAN TAMBANG BADAK



## PEJABAT URUSAN

Pada peringkat awal penubuhan, koperasi telah beroperasi di pejabat pertama yang terletak di Tingkat Satu, Bangunan Stesen Bas, Jalan Langgar, Alor Setar. Kemudiannya telah berpindah dengan menumpang di Wisma Negeri, Alor Setar. Pada 26 Jun 1963, Koperasi telah membeli sebidang tanah dan rumah yang luasnya 7,326 kaki persegi di No. 2A, Jalan Tambang Badak, Alor Setar dan dijadikan pejabat koperasi.

Pada 26 Januari 1976 pula, Koperasi telah membeli sebidang tanah seluas 3.44 ekar (1.39212 hektar) di Batu 2 1/2, Jalan Langgar untuk dimajukan sebagai projek perumahan yang kini dikenali dengan nama Taman Koperasi Kedah.



Pejabat Urusan  
Taman Koperasi Kedah

## ARKIB KOPERASI

Pada tanggal 26 Disember 1987, Pejabat Koperasi yang berada di rumah kedai No 2 & 4, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak, Alor Setar telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tunku Haji Abdul Malik Ibni Al Marhum Sultan Badlishah, Raja Muda Kedah. Pejabat ini terus kekal sebagai Pejabat Urusan Koperasi sehingga ke hari ini.



PLAK BERSEJARAH YANG MENYAKSIKAN PEJABAT KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI NEGERI KEDAH BERHAD TELAH SEMPURNA DIRASMIKAN OLEH DULI YANG TERAMAT MULIA TUNKU HAJI ABDUL MALIK IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH PADA HARI SABTU 28 DISEMBER 1987 BERSAMAAN DENGAN 6 JAMADILAWAL 1408H.



## SAMBUTAN JUBLI EMAS

Tahun 2002 merupakan tahun yang amat bermakna kepada Koperasi kerana pada tahun tersebut Koperasi telah berusia 50 tahun dan memasuki era Jubli Emas. Sambutan Jubli Emas Koperasi telah disambut meriah pada 6 Julai 2002 bersamaan dengan 25 Rabiulakhir 1423H. Majlis yang bersejarah ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman.



Sabtu 6 Julai 2002 bersamaan 25 Rabiulakhir 1423H Bertempat Di Dewan Utama Institut Perguruan Darul Aman Bandar Darulaman, Jitra Kedah Darul Aman



**"SATU BAGI RAMAI, RAMAI BAGI SATU"**  
MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA LEBIH 4,000 ORANG ANGGOTA KOPERASI INI DI SELURUH NEGARA.





## KEKUKUHAN KOPERASI DAN STRATEGI PERNIAGAAN

Banyak bergantung kepada perkhidmatan yang disediakan kepada anggota-anggota dan pengguna umumnya dengan moto "satu bagi ramai, ramai bagi satu" yang diamalkan sejak tahun 1953 dan kami ingin memastikan semua perkhidmatan kami adalah terbaik yang diperolehi. Kami bertanggungjawab untuk menyediakan barang dan perkhidmatan yang terbaik dari segi mutu dan harga berpatutan.


Dalam proses mencapai semua objektif tersebut di atas, kami berusaha mencapai dan merancang kaedah-kaedah yang komprehensif bagi menjamin mutu perkhidmatan. Kami komited untuk menjadi salah sebuah Koperasi multi niaga di Malaysia.

**UNTUK MEREALISASIKAN TINDAKAN TERSEBUT, KOPERASI TELAH MERANGKAKAN PELAN STRATEGIK KOPERASI UNTUK DILAKSANAKAN PADA TAHUN-TAHUN MENDATANG.**

**PELAN STRATEGIK PERTAMA 2014-2020,**

**PELAN STRATEGIK KEDUA 2021-2035 YANG MEMPUNYAI 3 FASA**

## STRATEGI PELAKSANAAN



# PELAN STRATEGIK 2021-2035



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

## PELAN STRATEGIK

PELAN STRATEGIK IALAH SATU DOKUMEN PERANCANGAN YANG MEMBENTANGKAN STRATEGI-STRATEGI YANG DIBANGUNKAN BESERTA DENGAN PETUNJUK-PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) SELARAS DENGAN KEUPAYAAN DALAMAN KPPKNKB DAN JUGA CABARAN-CABARAN YANG DIBENTUK OLEH FAKTOR-FAKTOR LUARAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA OPERASI KPPKNKB SECARA KESELURUHANNYA.

### VISI KPPKNKB

MENJADI PENERAJU KOPERASI YANG MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN STRATEGIK TERUNGGUL

### MISI KPPKNKB

MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN STRATEGIK SECARA PROFESIONAL DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEIRING PERKEMBANGAN PESAT EKONOMI DUNIA



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

## PELAN STRATEGIK

### BIDANG-BIDANG PENCAPAIAN UTAMA

#### PENGUKUHAN KEDUDUKAN KEWANGAN

- MENINGKATKAN DAN MENGUKUHKAN SISTEM PENTADBIRAN KEWANGAN

#### PENEMBUSAN PASARAN BARU

- MENGEMBANGKAN PASARAN KREDIT DI KAWASAN BERPOTENSI TINGGI

#### PENINGKATAN KEPUASAN PELANGGAN

- MEWUJUDKAN PRODUK BARU YANG LEBIH KOMPETITIF

#### PRODUK PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

- MEWUJUDKAN SUASANA YANG SELESA DAN MESRA PELANGGAN

# PELAN STRATEGIK 2021-2035



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

## PELAN STRATEGIK

### STRATEGIK PERLAKSANAN

#### KEWANGAN

##### BAHAGIAN KREDIT

- MENINGKATKAN PROMOSI KEPADA ANGGOTA KOPERASI.

##### STESEN MINYAK

- MENAMBAHKAN BILANGAN STESEN MINYAK SETIAP TAHUN

##### AR-RAHNU

- MENGEMBANGKAN AR-RAHNU DISETIAP DAERAH DI KEDAH

##### ICT (UNIT IT)

- MEMBANGUNKAN SISTEM SISTEM PENGURUSAN KOPERASI (SPK) DAN SISTEM AR-RAHNU BARU YANG SELAMAT DAN BERKESAN

##### KO-SERVIS

- MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN SERVIS TAYAR



KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

## PELAN STRATEGIK

### STRATEGIK PERLAKSANAN

#### PELANGGAN

##### BAHAGIAN KREDIT

- MENINGKATKAN TAHAP KECEKAPAN PENGURUSAN KAUNTER

##### STESEN MINYAK

- MENAWARKAN PROMOSI TAMBAHAN KEPADA PELANGGAN

##### AR-RAHNU

- MENAWARKAN PERKHIDMATAN KAUNTER YANG MESRA PELANGGAN DAN SISTEMATIK

##### ICT (UNIT IT)

- MENAWARKAN PERKHIDMATAN PENGHASILAN SISTEM YANG CEPAT DAN MUDAH DIGUNA MENAWARKAN HARGA YANG LEBIH MURAH DAN BERPATUTAN

##### KO SERVIS

- MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN PASTAS



## PREMIS PERNIAGAAN SEDIADA

Sehingga kini Koperasi telah mempunyai 9 buah premis perniagaan dan 4 buah premis lagi dalam tempoh terdekat iaitu Ar Rahnu Arau, Stesen Minyak Petron Changlun, Restoran KFC Shell Langgar dan Stesen Minyak Buraqoil Kuala Nerang.



### 1. Bahagian Kredit

*Ditubuhkan pada 1952*

### 2. Stesen Petronas Alor Malai

*Beroperasi pada Disember 1983*

### 3. MyTayar

*Beroperasi pada April 1986*

### 4. Stesen Caltex Changloun

*Beroperasi pada Jun 1998*

### 5. Ar Rahnu Alor Setar

*Beroperasi pada 1 Julai 1999*

### 6. Ar Rahnu Guar Chempedak

*Beroperasi pada Oktober 2002*

### 7. Stesen Shell Jalan Langgar

*Beroperasi pada April 2015*

### 8. Stokis Gas Petron

*Beroperasi pada November 2016*

### 9. Stesen Petron Alor Sena Beseri

*Beroperasi pada Februari 2021*





# PREMIS PERNIAGAAN BARU



LOT 1554, BATU 4 1/2, JALAN LANGGAR,  
06500 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN  
04-7870187  
04-7870552 (FAX)



1

2



AR-RAHNU ARAU  
PERLIS



STESEN MINYAK PETRON  
TAMAN JELUTONG,  
CHANGLOON.



3

4



STESEN MINYAK BURAQOIL  
KUALA NERANG, KEDAH



# ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2022 - 2023



Encik Zabidi Bin Ahmad  
(Setiausaha)



Tn. Haji Anuar Bin Ibrahim  
(Pengerusi)



Tn. Haji Munir Bin Badrul Jamil  
(Bendahari)



Dato' Haji Mat Rejab  
Bin Kassim



Dato' Haji Hashim  
Bin Ahmad



Pn. Hajah Hasnah  
Binti Ahmad



Encik Roshamidi  
Bin Othman



Tn. Haji Romli  
Bin Haji Zakaria



Tn. Haji Shahbani  
Bin Ibrahim

# KEDUDUKAN KOPERASI DALAM INDEKS 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA

12

2022

10

2021

30

2020

34

2019

15

2018

19

2017

# GAMBAR



## LAWATAN



## AKTIVITI



## CSR





## TESTIMONI

**No Anggota: 1907**


**Nama: Ahmad Sidique Bin Abdul Wahab**

**Tarikh Menjadi Anggota: 11/02/1969**

**Tempoh Anggota: 54 tahun**

Beliau merupakan penerima anugerah Jasamu Di Kenang sempena sambutan jubli emas KPPKNK yang telah dirasmikan KDYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman pada 6 Julai 2002.

Beliau menganggotai KPPKNK pada tahun 1969 sehingga kini beliau kekal menjadi anggota walaupun sudah bersara wajib. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi dan juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman.



## TESTIMONI

**No Anggota: 2436**

**Nama: Siti Aminah binti Md Nor**

**Tarikh Menjadi Anggota: 12/03/1972**

**Tempoh Anggota: 51 tahun**



"Beliau telah lama menjadi anggota koperasi dan memohon supaya koperasi akan terus memberi kebajikan kepada anggota-anggotanya tak kira apa bentuk sekalipun. Tambahnannya, koperasi mesti mengikut peredaran zaman memberi perkhidmatan kepada anggota supaya tidak ketinggalan seperti bank memberi pembiayaan dengan caj murah.

Beliau adalah seorang anggota yang tidak pernah tinggal Mesyuarat Agung setiap tahun. Harapan beliau adalah koperasi akan mempunyai bangunan atau wisma yang tersendiri tersergam indah setanding identiti nama koperasi yang terbaik dalam senarai di Malaysia.

Beliau berkata pegawai atau penjawat awam mesti menjadi anggota di mana-mana koperasi, rugi jika tidak masuk menjadi anggota koperasi, banyak kelebihannya."

## JOM SERTAI

# KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD



*Segera Sertai Koperasi Untuk Faedah bersama  
Jangan berlelah lagi*

## KELEBIHAN ANGGOTA KOPERASI



- \* KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN & PERUBATAN
- \* SKIM PEMBIAYAAN PERIBADI MAKSIMUM RM 100,00.00
- \* DIVIDEN ATAS KEUNTUNGAN TAHUNAN
- \* KEMUDAHAN ANSURAN PEMBELIAN TAKAFUL KENDERAAN & TAYAR KENDERAAN
- \* AR RAHNU
- \* KHAIRAT KEMATIAN ANGGOTA, PASANGAN, ANAK DAN IBU BAPA
- \* MENYERTAI KURSUS ANJURAN KOPERASI & IKMA
- \* SKIM PEMBIAYAAN MOTOSIKAL & RUPA BENDA MAKSIMUM RM 50,000.00
- \* KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN & PERUBATAN

Keanggotaan sukarela dan terbuka kepada Semua Kakitangan Kerajaan, Anak Syarikat Kerajaan dan Syarikat Milik penuh Kerajaan yang diswastakan yang berjawatan tetap.

**Koperasi - Dari, Oleh, Dan Untuk Anggota**

**Yuran Minima**  
Anggota Sebulan  
RM **40.00** (Pesara)  
RM **60.00** (Bekerja)

## CARA MEMOHON

Boleh dapatkan borang di :-

1. Pejabat Koperasi
2. Boleh muat turut borang dalam website Koperasi [www.kopkedah.com.my](http://www.kopkedah.com.my)
3. Borang yang telah diisi boleh diemail kepada [kppknk@kopkedah.com.my](mailto:kppknk@kopkedah.com.my)

Facebook :- [facebook.com/kopkedah](https://facebook.com/kopkedah)